

Edisi Mac 2023

# Warta Cahaya

Salam juang untuk semua!  
Selamat menyambut bulan Ramadhan.



**CAHAYA  
SOCIETY**  
EDUCATION FOR ALL

# Kenali Kami!

Cahaya Society ialah organisasi yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia sebagai Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah. Ditubuhkan pada Januari 2019 dan berfokus pada kepada advokasi pendidikan alternatif untuk anak-anak tanpa negara, kebajikan sosial dan pemberdayaan komuniti di Sandakan, Sabah.



# Bikin Apa?

---



## Festival Urang Muda (FUM2023)

FUM adalah acara yang dianjurkan oleh Cahaya Society dengan kerjasama Hentian Budaya Sandakan, Siring Terbit, Kelab Alumni Cahaya dan tajaan oleh ML Bundle. Acara yang menghimpunkan aktiviti seni, muzik, sastera, kebudayaan dan dialog melibatkan banyak penggerak kolektif anak muda dan gerakan seni, kraf dan muzik bawah tanah di Sandakan, Sabah.



## Performance Art Workshop

Bengkel Seni Persembahan (bukan Persembahan Seni) ini dikendalikan oleh artis Seni Persembahan, Muzik, Seni Kreatif iaitu Farahani Mahadi bersama 10 orang anak-anak cahaya dan pementasan adalah sempena FUM 2023.



## Ing Occupy Cahaya

Program seminggu ini adalah bersempena kedatangan sukarelawan daripada Semenanjung Malaysia; Ing yang gembira. Kita menjalankan maraton bengkel dan latihan seperti Bengkel Asas Mandarin, Bengkel Filem Pendek, Bengkel Asas Renang, Bengkel Bikin Zine. Magsukul Ing. Jemput datang sukarelawan di seluruh dunia!

# Bikin Apa?

---



## Projek Kesejahteraan Sosioekonomi (PKS)

Projek yang didanai penuh oleh Yayasan Hasanah ini bermula pada 1 Mac. Menerusi inisiatif pembangunan potensi komuniti yang dibangunkan oleh Cahaya Society iaitu Cahaya Skills Centre (CSC), kita menjalankan Kelas Menjahit Komuniti menerusi projek PKS ini. 15 orang ibu komuniti terlibat dan rakan strategik yang kita lantik adalah Qarl Iman.



## Kita Bantu - Kg. Cenderamata

Bantuan kebakaran ini adalah kerjasama Yayasan Hasanah. Agihan bantuan keperluan rumah, kit kebersihan dan bantuan persekolahan kepada lebih 90 buah keluarga di PPS PPR Batu Sapi.



## Gotong Royong CLC

Untuk kesekian kalinya, anak-anak tetap utuh dan semangat menjaga amanah dan wakaf rakyat Malaysia dengan membersihkannya secara kolektif sejak tahun 2019.

# Bikin Apa?

---



## Bikin Sungkai

Program ini adalah gotong royong pasukan Alumni Cahaya menyediakan menu rahmah nasi ayam kunyit untuk tujuan agihan kepada rakan jalanan sepanjang bulan Ramadhan menerusi sumbangan dan tajaan umum.



## Majlis Sungkai Cahaya (MSC)

MSC (Siri 1) ini adalah program berbuka puasa bersama komuniti cahaya dan gotong royong memasak juadah dipimpin oleh Kesatuan Ibubapa & Guru Komuniti (KIBG) menerusi program Dapur Komuniti.



## Wiken Cahaya - Titik Temu 1.0

Acara ini dengan kerjasama Siring Terbit dan Hentian Budaya Sandakan iaitu diskusi tentang pembangunan seni dan massa di Sandakan, Sabah melibatkan para pengamal seni dan budaya di Sandakan. Segala diskusi dirakam dan transkripsinya akan dimasukkan dalam zine yang dibuat oleh Siring Terbit.

# Bulan Depan, Bikin Apa?

---



## Majlis Sungkai Cahaya (MSC)

Kita akan meneruskan MSC setiap Jumaat sepanjang bulan Ramadhan untuk komuniti cahaya berbuka puasa bersama-sama. Kita turut mengalukan sebarang tajaan juadah berbuka untuk tujuan itu.

## Prihatin Komuniti- Ramadhan Untuk Semua

Kita akan meneruskan MSC setiap Jumaat sepanjang bulan Ramadhan untuk komuniti cahaya berbuka puasa bersama-sama. Kita turut mengalukan sebarang tajaan juadah berbuka untuk tujuan itu.



# Sokong Kami!

**Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah**

CIMB Bank

8603686012



CAHAYA ENTERPRISE-QR



Terima kasih semua yang sentiasa percaya, menyokong dan mendukung aspirasi serta cita-cita Cahaya Society tidak kira secara terang mahupun sembunyi. Terus bersama dan menyebarkannya menjadi mesej-mesej perubahan sosial yang mapan. Merdeka!

---

**Media:**

*Website: [cahayasociety.org](http://cahayasociety.org)  
Facebook/Instagram/Twitter: Cahaya Society  
Email: [cahayasociety@gmail.com](mailto:cahayasociety@gmail.com)*

**Alamat:**

Bandar Ramai-Ramai, Lot 2, Blok D, Tingkat 1,  
Jalan Leila, 90000 Sandakan, Sabah

**No. Tel (Pejabat): 089 666 915**  
**No. Tel (Admin): 012 828 4775 (Cik Lia Ellyana)**



LEPAK

MUZIK

**CAHAYA**  
**SOCIETY**  
EDUCATION FOR ALL

BIKINKAWAN

UIANG